

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Okttober 2003

HKT 502 - Teori dan Kaedah Penyelidikan Kesusasteraan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA dari **Bahagian A** dan DUA dari **Bahagian B**.

Bahagian A

1. Jelaskan persediaan yang perlu dibuat oleh seseorang penyelidik sebelum menjalankan penyelidikan tentang sastera dan terangkan sejauhmana persediaan itu dapat membantu penyelidik menyelesaikan permasalahan kajiannya.
2. Pemerhatian merupakan satu kaedah yang sesuai untuk mengkaji tradisi lisan atau sastera rakyat. Bincangkan pernyataan ini dengan mengemukakan satu urutan kerja yang telah anda lakukan.
3. Kaedah Wawancara berguna untuk mendapatkan data primer daripada informan dan responden. Nyatakan jenis-jenis wawancara dan terangkan bagaimana kaedah ini dilaksanakan dalam penyelidikan sastera rakyat.

Bahagian B

4. Sekiranya anda ditugaskan menulis biografi A. Samad Said **atau** Noordin Hassan **atau** Arena Wati, apakah soalan dan persoalan yang harus ditanyakan dan dibincang dengan mereka? Pilih seorang pengarang sebagai fokus dan huraikan perkara-perkara yang perlu mendapat perhatian dalam temubual yang bakal diadakan itu.
5. ‘Penyelidikan yang baik itu hampir tiada berkesan sekiranya karya yang ditulis berdasarkan kajian itu tidak disampaikan secara ilmiah.’ Dalam konteks ini apakah, pada pendapat anda, yang dimaksudkan dengan ‘ilmiah’?
6. Anda ditugaskan untuk mengalihaksarakan sebuah manuskrip yang bertajuk ‘Hikayat Hang Tuah.’ Berdasarkan tugas ini apakah,
 - [a] persiapan awal yang perlu anda sediakan?
 - [b] tugas-tugas yang harus anda sempurnakan?